

Tambang percuma perkhidmatan feri

Semua penumpang pejalan kaki warga tempatan layak menikmati kemudahan bermula 1 Julai hingga 31 Disember

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Bermula 1 Julai depan semua penumpang pejalan kaki warga-negara Malaysia akan menikmati tambang feri secara percuma sehingga hujung tahun ini.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata, keputusan itu dibuat kerajaan negeri selaras dengan usaha untuk meningkatkan peng-

gunaan pengangkutan awam serta meringankan beban rakyat tatkala dibelenggui pandemik Covid-19 di Pulau Pinang.

Menurutnya, bagi tujuan itu kerajaan negeri Pulau Pinang memutuskan untuk membiayai kos tambang perkhidmatan feri bagi semua penumpang pejalan kaki berstatus warganegara Malaysia.

“Pembiayaan ini akan bermula pada 1 Julai sehingga 31 Disember 2021 dan semua rakyat Malaysia termasuk warga emas, orang dewasa, kanak-kanak dan golongan OKU adalah layak untuk menikmati perkhidmatan ini secara percuma.

“Cadangan ini adalah susulan kepada perkhidmatan pas perjalanan My30 yang telah dilancarkan pada 1 Mac yang lalu, di mana kerajaan negeri turut membiayai perkhidmatan bas awam milik Rapid Penang secara percuma kepada semua penumpang yang melanggan pas



Penumpang pejalan kaki warga tempatan akan menikmati kemudahan tambang feri percuma mulai 1 Julai depan.

tersebut,” katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Selasa.

Zairil berkata, dengan pembiayaan tambang feri ini, jaringan pengangkutan awam melalui air dan darat secara menyeluruh dapat digunakan secara percuma oleh pengguna pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Katanya, penumpang hanya perlu membawa MyKad mereka

dan perlu menyentuh (tap) di peranti pengimbas MyKad yang disediakan oleh pihak Penang Port Sdn Bhd (PPSB) sebelum menaiki feri.

“Pembiayaan tambang feri kepada penumpang pejalan kaki ini melibatkan peruntukan sebanyak RM78,000 sebulan dengan jumlah tiket sebanyak 65,000 tiket sebulan.

“Jumlah keseluruhan peruntukan adalah dianggarkan sebanyak RM468,000,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri berharap dengan pembiayaan tambang feri pada saat-saat kritikal ini sedikit banyak dapat membantu mengurangkan bebanan kos perjalanan rakyat yang berulang-alik menggunakan pengangkutan awam.